



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 7 TAHUN 2008**

**ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 5 Tahun 2008 untuk Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh di muat turun melalui laman web <http://www.jpa.gov.my>.

**(HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 2, Kota Darulnaim  
**15503 KOTA BHARU.**


Bertarikh : 18 Jamadilakhir 1429H  
22 Jun 2008

[SUK.D.200(01) 600/9/Jld. 7/(17)]

Kepada : Semua Ketua Jabatan Negeri

Salinan :

- 1) Ketua Pengurusan  
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- 2) Ketua Pengurusan  
Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- 3) Semua Ketua Unit/Bahagian  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



## KERAJAAN MALAYSIA

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2008

#### ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU

#### TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung pemberian Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu kepada Pemandu Kenderaan Gred R3 dan R6 .

#### LATAR BELAKANG

2. Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu telah dibayar kepada Pemandu Kenderaan Gred R3 mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1997.

## **PELAKSANAAN**

### **Kelayakan**

3. Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu dibayar kepada:

3.1 Pemandu Kenderaan Gred R3 yang dikhkususkan memandu:

- i. kereta rasmi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama ‘B’ dan ke atas serta Gred Khas ‘A’; atau
- ii. ambulans; atau
- iii. kenderaan yang digunakan di Unit Pencegahan atau Bahagian Pencegahan dan terlibat di dalam tugas-tugas operasi pencegahan; atau
- iv. kenderaan atau jentera yang beratnya melebihi 5000kg.

3.2 Pemandu Kenderaan Gred R6; dan

3.3 Pemandu Kenderaan Gred R3 yang tidak dikhkususkan memandu kenderaan atau jentera yang beratnya melebihi 5000kg.

4. Pemandu Kenderaan Gred R3 seperti di perenggan 3.1 dan Pemandu Kenderaan Gred R6 yang meninggalkan tugasnya selama 28 hari berturut-turut tidak layak dibayar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu. Walau bagaimanapun, pengecualian diberi untuk pemandu yang meninggalkan tugas

bagi tempoh tidak melebihi 92 hari berturut-turut termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am, dalam keadaan berikut:

- 4.1 menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;
- 4.2 menjalankan tugas rasmi yang lain atas arahan Ketua Jabatan; dan
- 4.3 bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut Perintah Am Bab ‘C’.

### **Kadar**

5. Kadar Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu ialah **RM150.00** sebulan. Kadar ini dibayar kepada Pemandu Kenderaan Gred R3 yang dikhkususkan memandu kenderaan seperti di perenggan 3.1 dan Pemandu Kenderaan Gred R6. Bagi Pemandu Kenderaan Gred R3 yang tidak dikhkususkan memandu kenderaan atau jentera yang beratnya melebihi 5000kg seperti di perenggan 3.3, bayaran Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu adalah secara *proportionate* berdasarkan bilangan hari menjalankan tugas memandu dengan syarat bagi setiap hari berkaitan pegawai bertugas tidak kurang daripada empat (4) jam sehari.

### **TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Mei 2008**.


### **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1997 adalah **dibatalkan**.

## **PEMAKALAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



( TAN SRI ISMAIL ADAM )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

30 April 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan